



**TEKS PENGGULUNGAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**USUL TERIMA KASIH UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-
PERTUA NEGERI MELAKA SEMPENA PERSIDANGAN PERTAMA,
PENGKAL KEEMPAT,
DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG KEEMPAT BELAS
PADA 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA**

BismillahirRahmanirRahim,

*Alhamdulillah Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu A'la
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi Ajmain,
Amma Ba'du,*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ
وَالْخَاتِمِ لِمَا سَبَقَ نَاصِرِ الْحَقِّ بِالْحَقِّ
وَالْهَادِي إِلَى صِرَاطِكَ الْمُسْتَقِيمِ وَعَلَى آلِهِ حَقَّ
قَدْرِهِ وَمِقْدَارِهِ الْعَظِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

A-PENDAHULUAN

1. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Yang Berhormat Datuk Wira Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, saudara saudari yang dikasihi sekalian.

2. Sebelum saya mula menggulung usul terima kasih ini, saya ingin menjawab soalan lisan yang dikemukakan berkaitan perancangan Balai Polis di Negeri Melaka, sebanyak 3 projek telah mendapat kelulusan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk diangkat dalam Rolling Plan Kedua RP2 RMK12 iaitu Balai Polis Sungai Rambai, Ayer Keroh dan Tanjung Minyak.
3. Cadangan Balai Polis Kandang, Duyong dan Tehel, akan diangkat untuk pertimbangan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman sebelum dipanjangkan kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

4. Tengah hari/petang ini, pada hari Selasa, 21 haribulan September 2021, bersamaan 14 Safar 1443 Hijriyah, saya bangun sekali lagi dalam dewan yang mulia ini, untuk sesi penggulungan Usul Terima Kasih Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, bagi Persidangan Pertama, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Melaka yang ke-14.
5. Saya amat yakin dan percaya, bahawasanya Persidangan Dewan Undangan Negeri merupakan wadah dan pentas terbaik untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menzahirkan pandangan, melontar idea dan sudut pandang, malah memberikan teguran membina untuk semak dan imbang, berhubung apa juga isu dan permasalahan yang menyentuh kehidupan rakyat dan masa depan negeri, dengan cara yang tertib serta dalam kerangka undang-undang yang telah ditetapkan.
6. Mudah-mudahan segala inti pati perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akan memberi impak yang manfaatnya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di negeri Melaka.
7. Lantaran itu, saya merakamkan berbilang terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana telah menyentuh pelbagai ehwal, isu dan perkara, yang berkaitan dengan rakyat dan kemajuan Negeri Melaka.
8. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya secara peribadi, sesungguhnya amat menghargai dan mengambil maklum serta membuat catatan, akan semua perkara yang telah kita semua bangkit dan hujahkan sebentar tadi.

9. Semestinya, saya juga mengambil perhatian, dengan nasihat dan pandangan yang diberikan **Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka**, berhubung pelbagai perkara, antaranya tentang kemajuan Negeri, kesihatan, dan menjaga kebajikan rakyat Melaka serta saling bekerjasama, tanpa mengira batas kaum, agama dan latar belakang keturunan.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

10. Ada beberapa perkara penting yang telah disentuh dalam ucapan saya pagi tadi. Antaranya tentang perpaduan, pendekatan inklusif Keluarga Malaysia dalam konteks membina dan memperkasa Keluarga Besar Melaka serta masa depan menuju Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35.
11. **Pertamanya**, tentang mengukuhkan perpaduan dan persepakatan yang ingin kita bina di Melaka adalah berpandukan prinsip-prinsip murni lagi universal seperti yang dianjurkan melalui maksud mafhum surah Al-Hujurat Ayat 13, atas dasar 5T, yakni **TAARUF, TARAHUM, TAFAHUM, TAA'WUN dan TAKAFUL**.
12. Dasar 5T ini kita mulai dengan berkenal-kenalan, hormat menghormati, saling faham memahami, tolong menolong atas nama kebaikan dan untuk kepentingan rakyat dan Negeri Melaka serta saling lindung melindungi khususnya dalam mengekang penularan wabak COVID-19, menjaga kebajikan dan membantu mereka yang susah serta memerlukan bantuan.
13. Saya akan perincikan lagi kesemua **konsep 5T** ini, dalam ucapan gulung penangguhan di akhir sidang DUN nanti InsyaAllah.
14. **Kedua**, adalah tentang **konsep Keluarga Malaysia** yang diperkenalkan oleh YAB Dato Sri Ismail Sabri Yaakob sewaktu mula memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia. Pada hemat saya, konsep inklusif keluarga Malaysia ini adalah selari dan secocok dengan dasar **Halatuju Melaka Rumahku**, yang telah Kerajaan Melaka perkenalkan pada tahun ini.

15. Kedua-dua konsep ini bertujuan antara lain untuk memperteguhkan institusi keluarga besar rakyat Melaka dan Malaysia dalam aspek perpaduan, kesepakatan dan keharmonian serta semangat muhibah yang merentasi ideologi politik, agama, ekonomi, budaya dan hal kemanusiaan, tanpa membezakan latar belakang keturunan dan bangsa.
16. Ketiganya, mengambil semangat permufakatan dalam melakukan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran, yang telah dirintis dan dibina antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan parti-parti pembangkang,...
17. Maka dalam ucapan usul terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka pagi tadi, saya mewakili Kerajaan Melaka mengambil pendirian yang sama, atas nama perpaduan, untuk pihak Kerajaan yang 'duduk di sebelah sini', dengan 'sahabat-sahabat yang di seberang sana', menjadi "Rakan Strategik bagi membina persepakatan yang lebih kukuh, demi kemajuan dan kebaikan rakyat Negeri Melaka.
18. Saya juga telah mengumumkan beberapa perkara yang boleh membawa kita ke arah memperkukuh hubungan sebagai Rakan Strategik seperti penyertaan pihak 'sahabat di sebelah sana' ke dalam beberapa mesyuarat jawatankuasa.
19. Jadi, saya harap semua pihak dapat bekerjasama untuk terlibat dalam jawatan kuasa yang telah saya umumkan tadi. Seperti penglibatan dalam Majlis Pengurusan Pemulihan COVID-19, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka dan Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, jika mendapat kebenaran daripada Pejabat Perdana Menteri. Gunakanlah peluang itu nanti sebagai platform untuk 'Rakan Strategik' di sebelah sana untuk melontarkan idea yang bernas lagi konstruktif. Tapi jangan pula buat kecoh macam pernah terjadi dalam sidang dun hingga akhirnya mesyuarat tidak dapat berjalan dengan kondusif dan membuat keputusan untuk kepentingan rakyat.
20. Ini adalah permulaan. Kita akan cari lagi titik-titik persamaan dan jalan-jalan yang boleh memperteguh permuafakatan tersebut. Akhirnya, kesemua perancangan, inisiatif dan jalan-jalan kebaikan untuk masa depan, yang kita cuba rintis, demi menuju kepada Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

B-KANDUNGAN POINTERS (DISEDIAKAN OLEH URUSETIA DEWAN)

21. Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Yang Berhormat Datuk Wira Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;
22. Saya ucapkan terima kasih kepada **Ahli-Ahli Yang Berhormat** yang telah membahaskan usul terima kasih dengan baik sebentar tadi. Saya amat menghargainya.

NOTA RESPON DISEDIAKAN OLEH URUSETIA DEWAN

23.

24.

C-PENUTUP

25. Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Yang Berhormat Datuk Wira Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;
26. Akhir kalam, sekali lagi dirakamkan terima kasih, sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana dapat berbahas dan berhujah, selain mengemukakan pelbagai sudut pandangan yang sama mahupun berbeza tetapi masih bernas, demi kebaikan semua, pada Persidangan Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Ke-14 pada kali ini.
27. Apa pun, marilah kita bekerjasama, **SERUMPUN BAK SERAI, SESUSUN BAK SIRIH, TRANSFORMASI SEJAHTERA TS35 SAMA-SAMA KITA JAYAKAN! INSYA ALLAH.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.